



19 Mei 2020  
19 May 2020  
P.U. (A) 153

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN  
(PENGEQUALIAN) (NO. 3) 2020

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 3) ORDER 2020*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 3) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2020**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020.

**Pengecualian**

2. (1) Menteri mengecualikan seseorang individu daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pengeluaran daripada suatu skim persaraan swasta oleh individu itu sebelum mencapai umur lima puluh lima tahun, yang dikontrakkan oleh individu itu dengan penyedia skim persaraan swasta itu yang diluluskan di bawah seksyen 139Q Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], dalam tempoh 30 April 2020 hingga 31 Disember 2020.

(2) Jumlah amaun pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) adalah tertakluk kepada jumlah maksimum satu ribu lima ratus ringgit yang dikeluarkan daripada setiap penyedia skim persaraan swasta.

**Ketidakkapaian**

3. Seksyen 109G Akta tidak terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah Perintah ini.

Dibuat 12 Mei 2020

[MOF.TAX700-3/1/343; LHDN.AY.A600-12/1/7-29; PN(PU2)80/XCVII]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Menteri Kewangan*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4)  
Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 3) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 3) Order 2020**.

(2) This Order shall have effect for the year of assessment 2020.

**Exemption**

2. (1) The Minister exempts an individual from the payment of income tax in respect of withdrawal from a private retirement scheme by the individual before reaching the age of fifty-five, which was contracted for by the individual with the private retirement scheme provider approved under section 139Q of the Capital Markets and Services Act 2007 [Act 671], for the period from 30 April 2020 until 31 December 2020.

(2) The total amount of exemption granted under subparagraph (1) is subject to a maximum of one thousand five hundred ringgit withdrawn from each private retirement scheme provider.

**Non-application**

3. Section 109G of the Act shall not apply to the income exempted under this Order.

Made 12 May 2020

[MOF.TAX700-3/1/343; LHDN.AY.A600-12/1/7-29; PN(PU2)80/XCVII]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]*